

Tambah spesies pokok di zon penamparan baik

Kuala Lumpur: Pemulihan kawasan di Tasik Chini, terutama membabitkan zon penamparan seluas 13.12 hektar perlu dilakukan untuk proses rehabilitasi kawasan hutan bagi mengelakkan ia menjadi lebih serius.

Dekan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Hazandy Abdul Hamid, berkata usaha untuk memperkayakan kawasan zon penamparan dengan menanam spesies pokok sangat baik kerana kawasan yang terdedah tanpa litupan silara boleh mendatangkan keadaan larian permukaan air yang tinggi, terutama pada musim hujan lebat.

Katanya, tambahan kesan pemulihan kawasan terosot dan zon penamparan tidak boleh diukur dalam masa yang singkat kerana pertumbuhan spesies pokok berkayu yang ditanam dalam program pemulihan atau restorasi adalah sangat perlahan.

"Justeru, penanaman pokok baharu untuk menghasilkan silara pokok yang boleh menutup kawasan terdedah dan mengurangkan hakisan mengambil masa kira-kira lima tahun ke atas.

"Aktiviti penanaman di kawasan zon ini harus diteruskan dan diperbesarkan bagi memperkayakan lagi kawasan ini dari semasa ke semasa. Namun jumlah keluasan zon penamparan itu bergantung kepada kerajaan negeri," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, *BH* melaporkan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr

Mohd Hizamri Mohd Yasin sebagai berkata, kerajaan negeri mengarahkan JPNP untuk menyegerakan aktiviti pemulihan di kawasan ceroboh lombong di Tasik Chini, selain mempergiat usaha memulihkan kawasan lombong yang dilakukan melalui Kumpulan Wang Pemulihan Lombong selepas tiada lesen baharu diluluskan sejak 2019.

Usaha itu turut banyak dilakukan di kawasan zon penamparan seluas 13.12 hektar dengan menanam pelbagai spesies buluh, tanaman tutup bumi serta spesies pokok bersesuaian seperti pokok merawan siput jantan dan meranti temak nipis.

Hazandy berkata, aktiviti perlombongan yang berlaku di kawasan Tasik Chini itu tidak diabaikan begitu sahaja hingga dikatakan memusnahkan kelestarian alam itu, tetapi sebaliknya aktiviti penanaman semula pokok berkayu juga sedang rancak dilakukan.

"Memang ramai yang melihat kawasan itu sudah digondolkan, tetapi kena faham dalam masa sama pokok spesies berkayu tropika yang ditanam, pertumbuhan diameternya secara tahunan purata adalah dibawah satu sentimeter.

"Ia mengambil masa lama untuk kelihatan hijau dan bagi pulih sepenuhnya, ia juga boleh mengambil masa hingga 100 tahun.

"Mengenai peratusan kawasan hutan yang digondol itu pula bergantung kepada kerajaan negeri kerana mereka pastinya mempunyai perancangan," katanya.

“Aktiviti penanaman di kawasan zon ini harus diteruskan dan diperbesarkan bagi memperkayakan lagi kawasan ini dari semasa ke semasa”

*Hazandy Abdul Hamid,
Dekan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar UPM*

